

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

KOD MALAYSIA MENGENAI PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN (PINDAAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33A(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri membuat kod yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kod ini bolehlah dinamakan **Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman (Pindaan) 2004**.

(2) Kod ini mula berkuat kuasa pada 25 Mac 2004.

Pindaan seksyen 2

2. Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 1998 [*P.U.(B) 550/1998*], yang disebut "Kod ibu" dalam Kod ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) -

(a) dengan memasukkan selepas takrif "hari pasaran" takrif yang berikut:

' "hari urusan" merujuk kepada suatu hari yang bukan hari Sabtu, Ahad atau cuti awam;;

(b) dengan memotong takrif "pegawai";

(c) dengan memasukkan selepas takrif "pemegang syer penerima tawaran" takrif yang berikut:

' "pemegang syer utama" ertinya seseorang yang mempunyai kepentingan dalam syer mengundi sesuatu syarikat dan jumlah

agregat syer mengundi itu tidak kurang daripada 5% daripada kesemua syer mengundi dalam syarikat itu;’ dan

(d) dengan memotong takrif “syarikat”.

Pindaan am

3. Kod ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “pemeroleh” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pengambil”.

Pindaan seksyen 6

4. Seksyen 6 Kod ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (1) —

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “yang mendapat kawalan dalam suatu syarikat”; dan

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “mengambil” dengan perkataan “memperoleh atau berniat untuk memperoleh”;

(b) dalam subperenggan (2)(a)(iii), dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “Akta”;

(c) dengan memotong subseksyen (3); dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Seseorang pengambil yang —

(a) telah mendapat kawalan dalam suatu syarikat; atau

(b) memegang lebih daripada 33% tetapi kurang daripada 50% syer mengundi sesuatu syarikat dan

pengambil itu memperoleh dalam mana-mana tempoh enam bulan lebih daripada 2% syer mengundi syarikat,

hendaklah membuat suatu tawaran kepada pemegang syer penerima tawaran mengikut kehendak Kod ini.”.

Pindaan seksyen 8

5. Subseksyen 8(2) Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “telah memperoleh” perkataan “atau sedang memegang atau berhak untuk memperoleh atau memegang”.

Pindaan seksyen 9

6. Kod ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen yang berikut:

“Jenis balasan bagi tawaran mandatori

(9) Seseorang pembuat tawaran hendaklah memperuntukkan —

(a) bahawa balasan bagi tawaran mandatori yang hendak dibayar, atau diperuntukkan, bagi pemerolehan syer mengundi yang kepadanya tawaran mandatori itu berkaitan adalah dalam bentuk wang tunai semata-mata; atau

(b) bahawa jika balasan yang menimbulkan tanggungjawab untuk membuat tawaran mandatori bukan dalam bentuk wang tunai semata-mata, suatu bentuk balasan alternatif yang mengandungi wang tunai semata-mata.”.

Pindaan seksyen 12

7. Seksyen 12 Kod ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (4) —

(i) dalam subperenggan (c)(i), dengan menggantikan perkataan “pembuat tawaran ” dengan perkataan “pembuat tawaran yang dicadangkan”;

(ii) dalam subperenggan (c)(ii), dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi lain yang dimaksudkan dalam pengambilalihan itu” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”; dan

(iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam pengambilalihan itu” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”;

(b) dalam perenggan (5)(c), dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam tawaran pengambilalihan itu” dengan perkataan “ pemegang syer penerima tawaran”; dan

(c) dalam subseksyen (10), dengan menggantikan perkataan “, seseorang pemeroleh yang mendapat kawalan dalam syarikat, atau seorang pemeroleh yang memegang lebih daripada 33% tetapi kurang 50% hak mengundi syarikat dan yang telah memperoleh lebih daripada 2% syer mengundi syarikat itu dalam mana-mana tempoh enam bulan” dengan perkataan “atau seseorang pengambil di bawah subseksyen 6(1)”.

Pindaan seksyen 14

8. Seksyen 14 Kod ibu dipinda —

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam tawaran pengambilalihan itu” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”;
- (b) dalam subseksyen (2) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam tawaran pengambilalihan itu” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (6).

Pindaan seksyen 15

9. Seksyen 15 Kod ibu dipinda —

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pemegang kelas syer mengundi yang dimaksudkan dalam tawaran pengambilalihan” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “semua pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam pengambilalihan” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”;
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(6A) Jika Suruhanjaya telah memberikan kebenarannya bagi pekeliling nasihat bebas, penasihat bebas itu hendaklah memasukkan ke dalam pekeliling nasihat bebas itu suatu pernyataan bahawa Suruhanjaya telah memberikan kebenaran bagi pekeliling nasihat bebas di bawah seksyen ini dan bahawa kebenaran Suruhanjaya itu tidak menandakan bahawa Suruhanjaya bersetuju dengan syor penasihat bebas.”; dan

- (d) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “semua pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam tawaran pengambilalihan” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”.

Pindaan seksyen 17

10. Seksyen 17 Kod ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “yang dimaksudkan dalam pengambilalihan” dengan perkataan “penerima tawaran”; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi tawaran separa.”.

Pindaan seksyen 20

11. Seksyen 20 Kod ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Pembuat tawaran, dalam mana-mana tawaran pengambilalihan, hendaklah mengeposkan balasan tunai kepada semua orang yang menerima tawaran pengambilalihan —

- (a) dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh tawaran menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat sepenuhnya;

- (b) dalam keadaan tawaran pengambilalihan telah pun menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat sepenuhnya pada tarikh dokumen tawaran diposkan mengikut subseksyen 13(7), dalam

masa dua puluh satu hari dari tarikh pengeposan itu; atau

(c) jika penerimaan diterima selepas tempoh yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), sebaik sahaja menerima tawaran, atau selewat-lewatnya dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan itu diterima.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Dalam keadaan balasan itu melibatkan sekuriti, pembuat tawaran, dalam mana-mana tawaran pengambilalihan, hendaklah mengeposkan atau mengkreditkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, balasan kepada semua orang, atau akaun sekuriti orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menerima tawaran pengambilalihan itu dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh tutup tawaran pengambilalihan, dengan syarat tawaran pengambilalihan telah menjadi atau telah diisytiharkan tanpa syarat sepenuhnya sebelum tarikh tutup tawaran pengambilalihan itu.

(7) Bagi maksud seksyen ini, “akaun sekuriti” ertinya suatu akaun yang ditubuhkan oleh suatu depository pusat untuk seseorang pendeposit untuk merekodkan deposit sekuriti dan untuk urus niaga sekuriti itu oleh pendeposit.”.

Pindaan seksyen 24

12. Seksyen 24 Kod ibu dipinda —

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika suatu tawaran pengambilalihan telah menjadi atau telah diisytiharkan tanpa syarat terhadap penerimaan pada tarikh dokumen tawaran itu diposkan mengikut subseksyen 13(7), tarikh

tutup tawaran pengambilalihan hendaklah tidak lewat dari hari keenam puluh dari tarikh pengeposan.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “kurang daripada empat belas hari” perkataan “dari tarikh tawaran pengambilalihan telah menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat”;

(c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “pembuat tawaran hendaklah membuka tawaran pengambilalihan untuk penerimaan selama tidak kurang daripada empat belas hari” dengan perkataan “pembuat tawaran hendaklah membuka tawaran pengambilalihan untuk penerimaan selama tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh tawaran pengambilalihan telah menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat”;

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (1A), (2) dan (3) dan tertakluk kepada subseksyen 22(1), pembuat tawaran hendaklah memberi notis bertulis tidak kurang dari empat belas hari kepada pemegang syer penerima tawaran sebelum menutup tawaran pengambilalihan.

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya, subseksyen (4) tidak terpakai jika suatu tawaran pengambilalihan telah menjadi tanpa syarat terhadap penerimaan sebelum suatu tarikh luput dan dokumen tawaran dengan jelas menyatakan bahawa tawaran akan ditutup pada suatu tarikh yang tertentu.”;

(f) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (4)” dengan perkataan “subseksyen (4A)”;

- (g) dalam subperenggan (6)(bb), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (4)” dengan perkataan “subseksyen (4A)”
- (h) dengan memotong subseksyen (7).

Pindaan seksyen 25

13. Seksyen 25 kod ibu dipinda —

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika sekuriti atau syer mengundi pembuat tawaran atau penerima tawaran disenaraikan di bursa saham, pembuat tawaran hendaklah memaklumkan Suruhanjaya dan bursa saham yang berkenaan dan mengumumkan melalui notis akhbar pada hari pasaran yang berikutan hari suatu tawaran pengambilalihan ditutup, menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat terhadap penerimaan, disemak atau dilanjutkan—

- (a) kedudukan tawaran pengambilalihan itu, iaitu, sama ada tawaran pengambilalihan ditutup, menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat, disemak atau dilanjutkan; dan

- (b) jumlah syer mengundi yang dimaksudkan dalam pengambilalihan —

- (i) yang penerimaan tawaran pengambilalihan telah diterima selepas pengeposan dokumen tawaran oleh pembuat tawaran kepada pemegang syer penerima tawaran mengikut subseksyen 13(7);

- (ii) yang dipegang oleh pembuat tawaran dan kesemua orang yang bertindak bersama-sama dengan pembuat tawaran pada masa

pengeposan dokumen tawaran kepada pemegang syer penerima tawaran mengikut subseksyen 13(7); dan

- (iii) yang diperoleh atau dipersetujui untuk diperoleh dalam tempoh tawaran,

dan hendaklah menyatakan peratusan kelas-kelas modal syer yang relevan yang ditunjukkan oleh angka-angka ini sebelum dagangan sekuriti pembuat tawaran atau penerima tawaran bermula di bursa saham yang relevan.”;

(b) dalam subseksyen (2) —

- (i) dengan menggantikan perkataan “perenggan (1) (a), (b) dan (c)” dengan perkataan “perenggan (1) (a) dan (b)”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “pasaran” dengan perkataan “urusan”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Jika pembuat tawaran, setelah mengumumkan tawaran sebagai tanpa syarat terhadap penerimaan, tidak mematuhi mana-mana kehendak subseksyen (1) dan (2) —

- (i) sebelum dagangan di bursa saham ditutup pada hari yang disebutkan dalam subseksyen (1), jika pembuat tawaran atau penerima tawaran disenaraikan di bursa saham; atau
- (ii) sebelum 5.00 petang pada hari yang disebut dalam subseksyen (2), jika pembuat tawaran dan penerima tawaran tidak disenaraikan,

mana-mana orang yang telah menerima tawaran pengambilalihan itu berhak untuk menarik balik penerimaannya sebaik selepas itu.”.

Pindaan seksyen 27

14. Kod ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan seksyen yang berikut:

“Bukti keupayaan melaksanakan tawaran pengambilalihan

27. Jika tawaran itu adalah untuk wang tunai atau termasuk yang berunsur wang tunai, seseorang yang dikehendaki membuat pengumuman di bawah subseksyen 12(1) atau 12(3) hendaklah memastikan dan penasihat kewangan orang itu hendaklah semunasabahnya berpuas hati bahawa —

- (a) tawaran pengambilalihan itu tidak akan gagal disebabkan ketidakupayaan kewangan pembuat tawaran; dan
- (b) tiap-tiap pemegang syer penerima tawaran yang ingin menerima tawaran pengambilalihan akan dibayar sepenuhnya.”.

Pindaan seksyen 31

15. Subseksyen 31(2) Kod ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “sections 34 and 34A” perkataan “of the Act”.

Pindaan seksyen 32

16. Seksyen 32 Kod ibu dipinda —

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Dalam tempoh tawaran, pembuat tawaran atau mana-mana orang yang bertindak bersama-sama dengan pembuat tawaran tidak boleh melupuskan mana-mana syer mengundi penerima tawaran, sama ada melalui jualan, pindahan atau selainnya, melainkan pelupusan syer tersebut adalah antara pembuat tawaran dengan orang-orang yang bertindak bersama-sama dengannya.”;

(b) dengan memotong subseksyen (2);

(c) dalam subseksyen (3) —

(i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 11(6)” dengan perkataan “subseksyen 11(5)”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “akaun mereka” perkataan “dalam tempoh tawaran”; dan

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “substansial” dengan perkataan “utama”; dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut—

“(4) Penzahiran di bawah subseksyen (3) hendaklah —

(a) dibuat kepada bursa saham yang relevan, jika sekuriti pembuat tawaran atau penerima tawaran itu disenaraikan di bursa saham yang relevan;

(b) dibuat kepada Suruhanjaya;

(c) diumumkan melalui notis akhbar,

sebelum 12.00 tengah hari pada hari pasaran, jika sekuriti pembuat atau penerima tawaran disenaraikan, atau pada hari urusan, jika sekuriti pembuat tawaran dan penerima tawaran tidak disenaraikan, berikutan tarikh transaksi yang relevan.”.

Pindaan seksyen 36

17. Seksyen 36 Kod ibu dipinda —

(a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “substansial” dengan perkataan “utama”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah —

(a) dibuat kepada bursa saham yang relevan, jika sekuriti pembuat tawaran atau penerima tawaran disenaraikan di bursa saham yang relevan;

(b) dibuat kepada Suruhanajaya; dan

(c) diumumkan melalui notis akhbar;

sebelum 12.00 tengah hari pada hari pasaran, jika sekuriti pembuat atau penerima tawaran disenaraikan, atau pada hari urusan, jika sekuriti pembuat tawaran dan penerima tawaran tidak disenaraikan, berikutan tarikh transaksi yang relevan.”; dan

(c) dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan seksyen 37

18. Subseksyen 37(1) Kod ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pemegang syer mengundi yang dimaksudkan dalam tawaran pengambilalihan” dengan perkataan “pemegang syer penerima tawaran”.

Pindaan seksyen 38

19. Seksyen 38 Kod ibu dipinda dalam subseksyen (1) —

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “apa-apa dokumen atau maklumat dalam suatu tawaran pengambilalihan” dengan perkataan “apa-apa dokumen atau maklumat berhubung dengan atau berkaitan dengan suatu tawaran pengambilalihan atau pengambilan wajib”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “apa-apa dokumen atau maklumat dalam suatu tawaran pengambilalihan” dengan perkataan “apa-apa dokumen atau maklumat berhubung dengan atau berkaitan dengan suatu tawaran pengambilalihan atau pemerolehan wajib”; dan
- (c) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “tawaran pengambilalihan” perkataan “atau pemerolehan wajib”.

Pindaan seksyen 42

20. Subseksyen 42(2) Kod ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib” dengan perkataan “tawaran pengambilalihan, percantuman atau pemerolehan wajib”.

Pindaan Jadual 1

21. Jadual 1 kepada Kod ibu dipinda —

- (a) dalam subperenggan 1(e), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
- (b) dalam subperenggan (1)(f) —

- (i) dengan memotong perkataan "company" dalam teks bahasa Inggeris;
 - (ii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) (f) subperenggan yang berikut:
- "(g) sama ada pembuat tawaran mempunyai apa-apa niat untuk menggunakan kuasa pemerolehan wajib; dan
 - (h) jika pembuat tawaran telah menzahirkan suatu niat untuk menggunakan kuasa pemerolehan wajib di bawah perenggan (g) dan sekiranya tawaran pengambilalihan itu mengandungi dua atau lebih set terma alternatif, terma yang terpakai kepada pemegang syer yang tidak bersetuju.";
- (d) dalam subperenggan 4 (a) —
- (i) dengan menggantikan perkataan "pengarah, pengarah yang lepas" dengan perkataan "pengarah atau pengarah yang lepas penerima tawaran"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "pemegang syer mengundi atau pemegang syer mengundi yang lepas" perkataan "penerima tawaran";
- (e) dalam perenggan 9, dengan menggantikan perkataan "Kod" dengan perkataan "perenggan 5 dan 6";
- (f) dalam perenggan 10, dengan memasukkan selepas perkataan "secara tunai sahaja." perkataan "Jika tidak terjejas, hendaklah dinyatakan sedemikian.";

(g) dengan memasukkan selepas perenggan 11 perenggan yang berikut:

“12. Sebutan tentang pemegang syer muktamad ertinya suatu sebutan tentang pemilik muktamad syer iaitu orang yang berhak secara benefisial kepada faedah semua hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan tertakluk kepada semua tanggungan, tugas dan tanggungjawab yang berkenaan dengan, atau terhasil daripada, syer dan tidak termasuk apa-apa perihal penama.”.

13. Dokumen tawaran itu hendaklah menyatakan bahawa setiap pengarah pembuat tawaran telah dengan semunasabahnya memastikan kedua-dua fakta yang dikemukakan dan pandangan yang dinyatakan dalamnya adalah adil dan tepat dan bahawa tiada fakta material telah ditinggalkan. Dokumen tawaran itu hendaklah menyatakan juga bahawa setiap pengarah menerima tanggungjawab dengan sewajarnya.”.

Pindaan Jadual 2

22. Perenggan 6 Jadual 2 kepada Kod ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kod” dengan perkataan “perenggan 3”.

Dibuat 4hb Mac 2004

[S (8.02) 248/23-49 (SJ.19);PN(PU2)637]

TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua